

03/09/1998

Usahawan sifatkan peraturan kawalan praktikal

RANTAU PANJANG, Rabu - Golongan usahawan yang sering berurusan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, di sini, menyifatkan peraturan kawalan mata wang dengan mengehadkan jumlah keluar masuk wang tunai, berkuatkuasa 1 Oktober ini sebagai langkah praktikal bagi mengawal kestabilan nilai ringgit.

Sembilan Che Ngah, 41, seorang peniaga eksport kayu gergaji ke Selatan Thailand, berkata, beliau percaya masih ramai yang belum jelas mengenai arahan itu dan memerlukan penjelasan lanjut agar penguatkuasaannya difahami oleh segenap lapisan masyarakat.

"Sebagai rakyat yang patriotik, saya menyokong langkah kerajaan itu kerana ia untuk kebaikan negara," katanya.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan langkah drastik itu bertujuan menstabilkan ringgit dan melindungi Malaysia daripada kesan perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi dan kewangan dunia.

Ia juga bertujuan membendung spekulasi terhadap ringgit dan meminimumkan kesan aliran masuk modal jangka pendek ke atas ekonomi negara.

Sementara itu, wakil rakyat kawasan Golok yang ditemui di sini, Wan Anwar Wan Jaafar, 39, berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat dengan sebuah jawatankuasa di kawasan Selatan Thai, bagi memperincikan pengumuman Kerajaan Malaysia itu.

Menurutnya, peraturan itu mempunyai kesan langsung terhadap hubungan dua hala terutama masyarakat peniaga yang sentiasa berurusan di kedua-dua negara.

Mulai 1 Oktober ini, penduduk di negara ini atau asing yang keluar atau masuk dari/ke Malaysia hanya dibenar membawa tunai RM1,000.

Jika dalam bentuk mata wang asing, mereka dibenarkan membawa keluar sehingga maksimum yang nilainya bersamaan RM10,000 tetapi tiada had dikenakan untuk mata wang asing yang dibawa masuk ke negara ini.

(END)